



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

Ministry of Agriculture and Food Security

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : www.mafs.gov.my

SIARAN MEDIA

PROGRAM KARNIVAL JUALAN AIDILFITRI

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN 2023

PUTRAJAYA, 17 APRIL 2023 - Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam (PUSPANITA) Cawangan KPKM, Kelab Tani dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) berkerjasama bagi menganjurkan Karnival Jualan Aidilfitri Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) 2023 di Wisma Tani selama dua hari bermula hari ini.

Program kerjasama ini merupakan aktiviti tradisi KPKM yang bertujuan untuk membekalkan keperluan dan kelengkapan hari raya menjelang Aidilfitri yang bakal disambut meriah, bukan sahaja kepada warga KPKM namun terbuka untuk seluruh warga Putrajaya.

Karnival dirasmikan oleh Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Haji Mohamad Sabu, bersama Pengerusi PUSPANITA cawangan KPKM, Datin Wan Razanawani Wan Zakaria. Hadir sama Ketua Setiausaha KPKM, Datuk Lokman Hakim Ali, Presiden Kelab Tani yang juga Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan), Datuk Badrul Hisham Mohd, Timbalan Ketua Pengarah (Khidmat Pengurusan) FAMA, Puan Rosilawati Abu Hassan dan pegawai-pegawai kanan Kementerian.

Datuk Seri Haji Mohamad Sabu seterusnya meluangkan masa melawat dan beramah-mesra dengan usahawan dan peniaga di lebih 60 gerai jualan yang menyertai karnival ini dengan diiringi oleh Datin Wan Razanawani Wan Zakaria, Pengerusi PUSPANITA. Antara usahawan yang terlibat adalah daripada PUSPANITA Cawangan KPKM, Kelab Tani, penjaja Putrajaya dan usahawan asas tani FAMA.

Turut dijual pelbagai produk makanan segar seperti ayam segar, ikan, daging mentah, telur dan sayuran segar. Selain itu pakaian dan kelengkapan Aidilfitri termasuk beraneka kuih muih, makanan sejuk beku dan aktiviti jualan lain yang menawarkan harga menarik serta berpatutan kepada pengunjung.

Bersempena penganjuran karnival ini peniaga terpilih turut menawarkan potongan harga bagi produk segar dengan harga lebih rendah, antaranya jualan ayam segar pada harga RM9/kg, daging segar RM35/kg, telur gred B pada harga RM 12.50 sepapan dan Kombo Madani sayur-sayuran dengan harga RM5 bagi setiap pek semasa aktiviti jualan *Happy Hour*. Turut diadakan pemberian kupon membeli belah berjumlah antara RM5 sehingga RM20 kepada pengunjung bertuah.

Penganjuran program seperti ini sesungguhnya dapat memberi nilai penjimatan kepada pengguna dan memperlihatkan peranan KPKM serta Jabatan dan agensi dibawahnya dalam membantu kerajaan melaksanakan program untuk faedah rakyat dengan kaedah "*quick win and high impact*" selain menyediakan akses pasaran tambahan bagi produk agromakanan dan membantu meningkatkan pendapatan usahawan melalui jualan terus kepada pengguna.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

17 APRIL 2023